



Sambutan Bulan Kebangsaan & Kibar Jalur Gemilang 2022



AL-SULTAN ABDULLAH dan Raja Permaisuri Agong bersama Perdana Menteri menyaksikan acara perbarisan dan perarakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka semalam. – MUHAMAD IQBAL ROSLI



PESAWAT pejuang Sukhoi melakukan lintas hormat pada Sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka semalam. – FARIZ RUSADIO

Sambutan Hari Kebangsaan 2022 luar biasa, pengunjung banjiri Dataran Merdeka

Bukan 50,000 tetapi 200,000 hadir

(1 SEPTEMBER 2022) KOSMO, PG
Oleh RASDAN AHMAD dan AZMI NORDIN

KUALA LUMPUR – Sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka di sini semalam dilihat sungguh luar biasa apabila hampir 200,000 rakyat pelbagai kaum dari seluruh negara memeriahkan acara perbarisan dan perarakan yang diadakan.

Jumlah pengunjung yang di luar jangkaan itu disebabkan ketiduran mereka untuk meraikan sambutan itu secara besar-besaran selepas dua tahun rakyat menyambutnya secara sederhana akibat pandemik Covid-19.

Acara perbarisan dan perarakan kali ini melibatkan lebih 20,000 peserta, 76 ekor haiwan dalam perkhidmatan, 369 aset darat dan 68 aset udara daripada pelbagai agensi keselamatan negara.

Perarakan kereta kebal PT-91M (Pendekar), kereta perisai tempur Adnan AVR, Adnan AVF dan Adnan AMB serta misil Exocet MM40 milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) antara yang mencuri tumpuan.

Acara bermula selepas keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dengan menaiki pedati kuda diraja pukul 8 pagi.

Seri Paduka Baginda kemudiannya melakukan pemeriksaan barisan Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) diikuti lintasan



UNIT Tindakan Khas antara pasukan dalam Polis Diraja Malaysia yang turut menyertai acara perbarisan dan perarakan.

hormat lima buah helikopter yang membawa Jalur Gemilang serta tembakan 14 das meriam yang melambangkan 14 negeri dalam Malaysia.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan isteri, Datin Seri Muhaini Zainal Abidin serta barisan Jemaah Menteri.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata, pada mulanya anggaran hanya 50,000 pengunjung yang bakal membanjiri Dataran Merdeka, namun yang hadir hampir 200,000 orang.

Annuar turut kagum dengan semangat orang ramai yang sang-

gup datang seawal pukul 4 pagi semata-mata untuk bersama-sama meraikan sambutan Hari Kemerdekaan ke-65 kali ini.

"Kehadiran pengunjung memang melebihi jangkaan, ini sambutan luar biasa, saya terkejut apabila jalan juga sudah penuh dengan kenderaan yang diparkir pukul 6.45 pagi," katanya kepada pemberita semalam.

Sementara itu, seorang pengunjung dari Ipoh, Perak, Jennie Tan, 56, berkata, dia telah merancang dua hari lebih awal untuk bergerak dari Ipoh ke Kuala Lumpur bagi menyambut Hari Kebangsaan di Dataran Merdeka.

"Saya datang dari Ipoh de-



ASET-ASET kontinjen Angkatan Tentera Malaysia dipamerkan kepada ribuan pengunjung di Dataran Merdeka.

ngan ibu hanya kerana untuk melihat kemeriahan sambutan Hari Kemerdekaan kali ini, ia akan jadi kenangan terindah dalam hidup saya," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Revati Ganasan, 27, pula berkata, dia sanggup berjalan kaki sejauh kira-kira 3 kilometer ke Dataran Merdeka semata-mata mahu menyambut Hari Kebangsaan 2022 bersama ratusan ribu rakyat Malaysia pelbagai kaum.

"Kami sampai pukul 7.30 pagi di ibu kota dan suasana di Dataran Merdeka sungguh meriah dengan pelbagai perarakan serta perbarisan.

"Saya paling teruja melihat

perarakan pasukan keselamatan dan aset pertahanan negara yang gagah melindungi tanah air," ujarnya.

Bagi pelancong dari Sweden, Sarah Caspers, 32, pula berkata, sambutan Hari Kebangsaan 2022 kali ini sangat meriah dan dia sangat teruja menyaksikan pelbagai persembahan yang dipamerkan.

"Kami bangun seawal pukul 4 pagi dan beranggapan boleh dapat tempat duduk, tetapi waktu itu sudah penuh.

"Di Sweden, kami tidak mempunyai perarakan seperti ini dan ini pertama kali saya melihatnya," ujarnya.